

## **Manipulation of Extrinsic and Intrinsic Language Styles in The Scripts *Menunggu Lampu Hijau* and *My Honey***

**Shamsudin Othman<sup>1</sup>, Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia, <sup>2</sup>Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650

Bangi, Selangor, Malaysia

Email: s\_shamsudin@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i12/20369>

DOI:10.6007/IJARBSS/v13-i12/20369

**Published Date:** 19 December 2023

### **ABSTRAK**

Dalam sejarah drama Melayu, Hatta Azad Khan adalah dramatis pertama untuk menulis, mengarah dan mementaskan drama dengan ‘kandungan dewasa’ di Malaysia. Dua skrip tersebut adalah *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* dalam buku drama bertajuk *OTG* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP) pada tahun 2015. Kedua-dua skrip ini juga telah banyak kali dipentaskan dan dianjurkan oleh pelbagai institusi awam di Malaysia sebagai tontonan awam. Persoalan yang ingin dijawab dalam artikel ini adalah, apakah bentuk manipulasi bahasa Hatta bagi menyampaikan ‘kandungan dewasa’ dan bagaimana perkara ini bukan satu isu bagi DBP menerbitkan drama-drama tersebut? Sehubungan itu, satu kajian dilaksanakan bagi meneliti latarbelakang dan aspek bahasa Hatta dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*. Bagi mencapai tujuan tersebut, sebuah reka bentuk kajian kualitatif dengan instrumen kajian perpustakaan dan temubual telah dirangka. Temu bual dilaksanakan dengan pelakon kedua-dua drama tersebut dan pegawai bahagian penerbitan DBP. Analisis kandungan dilaksanakan terhadap bahasa dalam skrip dan rakaman teater-teater berkenaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat faktor ekstrinsik dan intrinsik yang membolehkan karya Hatta dengan kandungan dewasa diterbit dan dipentaskan. Dari segi ekstrinsik, Hatta ialah penulis drama Melayu yang mampu dengan pengetahuan dan pengalaman hampir 50 tahun berkecimpung dalam bidang penulisan drama. Manakala aspek intrinsiknya pula adalah, bahasa dalam kedua-dua skrip tersebut telah dimanipulasi selari dengan pemilihan genre komedinya. Selain metafora, teknik sinkope, dan bahasa asing telah diaplikasi bagi mempersembahkan subjek ‘kandungan dewasa’ dengan penuh humor serta sopan. Aspek ekstrinsik dan intrinsik inilah yang melayakkan drama Hatta diterbit dan dipentaskan di Malaysia.

**Kata kunci:** manipulasi bahasa; metafora; drama Melayu; kritikan drama; Hatta Azad Khan

### Abstract

In the history of modern Malay drama, Hatta Azad Khan is the first playwright to have written, directed and staged ‘adult content’ plays in Malaysia. *Menunggu Lampu Hijau* and *My Honey* was published by Dewan Bahasa and Pustaka Malaysia (DBP) in 2015, in a book entitled OTG. Both plays were organised and staged for public in several institutions in Malaysia. This article aims to answer, how Hatta manipulated language to convey adult content in his plays, which DBP has published without any issue? Thus, a research was conducted to study Hatta’s credential and language as a playwright in both plays. A qualitative research was designed with library research and interview as research tools. Interviews were conducted with actors of both plays, and officers at the publication department of DBP. Content analysis was carried out on both the scripts and performance texts on stage. The findings documented in this article are that, there are extrinsic and intrinsic factors that enable both plays by Hatta to be staged and published. The extrinsic factor is Hatta has employed his 50 years of playwriting knowledge and experience in Malay drama to produce his plays. Meanwhile the intrinsic factor is that, the playwright has manipulated and aligned his language to suit the comedy genre that underlies the scripts. Besides metaphor, he has applied syncope and foreign language to trigger humor and convey adult content in a very polite manner. These factors had enabled Hatta to publish and stage both his plays in Malaysia.

**Keywords:** Language Manipulation, Metaphor, Malay Drama, Dramatic Criticism, Hatta Azad Khan

### Pengenalan

Drama *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* dihasilkan oleh Hatta Azad Khan bergenre monodrama. Drama-drama ini dimuatkan dalam buku kumpulan drama *OTG* karya Hatta Azad Khan dan diterbitkan pada tahun 2015 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Drama *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* telah diarah oleh Hatta dan dipentaskan pada tahun 2013 dan tahun 2014 secara berasingan, di Akademi Seni dan Warisan untuk tontonan umum. Kedua-dua drama ini menerima reaksi pelbagai dalam kalangan khalayak disebabkan kandungan dewasanya (Zamruziah Zahari, 2022). Hal ini disebabkan drama-drama ini menyentuh topik seks dan seksualiti yang menjadi *taboo* bagi masyarakat Timur untuk memperkatanya secara terbuka, apatah lagi mempersebahkannya untuk tontonan umum. Namun begitu, pandangan-pandangan negatif terhadap kedua-dua skrip yang dinukilkan oleh Hatta ini diatasi apabila Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia memuat dan menerbitkannya dalam buku kompilasi skrip monodrama *OTG* (Shahrul Mizad Asahari, temu bual melalui telefon, 10 Mei 2022; Zamzuriah Zahari, tembu bual melalui telefon, 30 Mei 2022).

Skrip Monodrama *Menunggu Lampu Hijau* didapati mengatasi skrip *My Honey* daripada segi bilangan pementasannya. Setakat hari ini, kru produksi *Menunggu Lampu Hijau* dari ASWARA yang digelar *OneLaybore*, telah mementaskan teater ini sebanyak lima kali untuk tontonan umum (Shahrul Mizad Asahari, temubual peribadi, 10 Mei 2022). Institusi awam yang menganjurkan teater ini selain ASWARA ialah, Universiti Malaysia Sarawak pada tahun 2014, Universiti Utara Malaysia pada tahun 2017, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2018, dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak pada tahun 2019 (Shahrul Mizad Asahari, temubual peribadi, 10 Mei 2022). Kedua-dua teater *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*, penuh panggung sepanjang tempoh pementasannya. Rata-rata khalayak kagum dengan keupayaan lakonan seorang pelakon dalam membawa 13 watak berbeza bagi *Menunggu Lampu Hijau*, dan 14 watak berbeza bagi *My Honey* (Hatta, 2015). Genre komedi, kemampuan pelakon membawa pelbagai watak, subjek kandungan dewasa yang dipertontonkan secara

bersahaja dan sopan, serta persoalan drama yang ringkas tetapi jarang dibincangkan menjadi daya tarikan bagi kedua-dua drama ini.

Drama *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* merupakan karya yang bertemakan kekeluargaan. Kedua-dua drama ini berlatarkan masyarakat Melayu Muslim di Malaysia. *Menunggu Lampu Hijau* mempersoalkan cabaran, niat, pengalaman dan amalan poligami dalam masyarakat Melayu di Malaysia. *My Honey* pula membawa persoalan kasih sayang dan perkongsian hidup suami isteri yang halal serta suci sehingga ke akhir hayat. Dalam kedua-dua drama ini, Hatta memapar, menyingkap dan mempertontonkan sudut naluri lelaki dan wanita terhadap gender berlawanan, sama ada terhadap pasangannya yang sah atau sebaliknya. Justru, dalam memaparkan perkara-perkara tersebut, kedua-dua skrip ini (*Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*) turut memuatkan isu seks dan seksualiti di dalamnya. Hal ini adalah suatu yang luar biasa kerana topik tersebut tidak pernah diperkatakan dalam mana-mana drama Melayu sebelum Hatta. Keberanian penulis drama dalam perkara ini mengejutkan sesetengah khalayak.

Sehubungan itu, persoalan yang ingin dijawab dalam artikel ini adalah, ‘bagaimana Hatta memanipulasi gaya bahasa ekstrinsik dan intrinsik untuk menyampaikan konsep ‘kandungan dewasa’. Persoalan mengapakah ‘kandungan dewasa’ di dalam kedua-dua skrip ini tidak menjadi isu untuk diangkat dan dipentaskan? Bagi menjawab persoalan ini, aspek ekstrinsik dan intrinsik kedua-dua monodrama, *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* akan dihuraikan. Perbincangan juga ditumpukan kepada ketokohan dan gaya bahasa Hatta sebagai seorang penulis drama Melayu yang mampan.

### Kajian Lepas

Kajian lepas tentang Hatta Azad Khan, *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* membuktikan bahawa terdapat jurang ilmu dalam subjek manipulasi gaya bahasa Hatta bagi kedua-dua skrip monodrama yang diangkat sebagai sampel kajian dalam artikel ini. Walaupun penelitian terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa karya-karya drama Hatta yang lain telah dikaji namun kajian tersebut masih belum didokumentasi. Secara umum, kumpulan drama OTG masih belum dikaji secara ekstensif. Daripada enam skrip yang dimuatkan dalam buku Hatta tersebut, hanya skrip *Menunggu Lampu Hijau* cenderung dipilih sebagai subjek kajian sebelum ini. Sementara itu, skrip *My Honey* yang telah dipentaskan dilihat mempunyai jurang ilmu yang agak nyata jika dibandingkan dengan skrip *Menunggu Lampu Hijau*.

Kesimpulan yang dapat dicapai bersandarkan hasil penelitian terhadap kajian-kajian lepas adalah, terdapat enam penulisan lepas yang megangkat skrip *Menunggu Lampu Hijau* sebagai subjek kajian. Kesemua penulisan-penulisan lepas ini didokumentasi dalam bentuk artikel jurnal. Skrip *Menunggu Lampu Hijau*, telah diteliti dari aspek kritikan sosial, simeotik, keunggulan Hatta sebagai penulis drama, proses adaptasi dari skrip ke pentas, perkspektif watak wanita terhadap poligami, serta struktur dramatik skrip tersebut. Penulisan-penulisan lepas tentang skrip *Menunggu Lampu Hijau* diperincikan seterusnya dalam bahagian berikut. Artikel jurnal yang dihasilkan oleh Farzana Amali dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) menghuraikan kritikan sosial dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Artikel ini meneliti kritikan sosial terhadap masyarakat yang dipaparkan dari persektif Hatta Azad Khan. Data bagi artikel ini diperolehi daripada reka bentuk kajian asas dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dapatkan kajian menemukan bahawa Hatta memberi kritikan terhadap masyarakat yang menyalahgunakan poligami, lelaki yang tidak bertanggungjawab dalam mengamalkan poligami, wanita bekerjaya yang gagal melaksanakan tanggungjawab dalam rumahtangga, masyarakat yang memandang serong kepada golongan ibu tunggal atau janda, masyarakat

yang tidak menitikberatkan agama dalam kehidupan, dan masyarakat yang sering mencampuri hal orang lain. Secara amnya kesemua kritikan sosial terhadap masyarakat yang dibincangkan dalam artikel ini pada asasnya adalah berlandaskan teori sosiologi sastera. Walaupun sampel kajian Farzana dan Nur Afifah adalah hampir sama dengan sampel kajian yang dibincangkan dalam artikel ini, persoalan, objektif dan kerangka analisisnya berbeza. Farzana dan Nur Afifah hanya meneliti kritikan sosial dalam drama *Menunggu Lampu Hijau*, manakala artikel ini pula meneliti aspek manipulasi bahasa Hatta dalam drama *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* sekaligus.

Dalam artikel bertajuk, *Semiotik Dalam Skrip Monodrama Menunggu Lampu Hijau* Karya Hatta Azad Khan et al. (2020), meneliti unsur perlambangan pada watak dan struktur gaya bahasanya. Data bagi artikel ini diperolehi daripada reka bentuk penyelidikan kajian kualitatif dengan analisis kandungan sebagai instrumen kajian utama. Selanjutnya, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat simbolisme dan perlambangan yang diterapkan oleh pengarang pada watak dan juga pada gaya bahasa yang digunakan seperti alusi, personifikasi, alegori, metafora dan hiperbola. Dalam konteks karya sastera, poligami digambarkan dalam bentuk simbolik yang dimanifestasikan melalui watak utama dalam naskhah ini. Tidak hanya pada watak utama, simbolik poligami ini turut dimanifestasikan terhadap watak sampingan dalam monodrama ini. Seterusnya, pengarang menggunakan struktur gaya bahasa perlambangan untuk memberikan sudut pandang positif tentang perkahwinan poligami. Kesimpulannya, pengarang menggunakan simbolisme dan perlambangan dalam mengutarakan isu sensitif kepada pembaca. Walaupun sampel dan subjek kajian Maizatul dan Nur Afifah adalah sama dengan artikel ini, ia hanya sebahagian daripada bahan yang diteliti bagi artikel ini. Sampel artikel ini lebih luas kerana ia turut meneliti manipulasi bahasa Hatta bagi skrip monodrama *My Honey*. Oleh yang demikian, dapatan kajian dalam artikel ini lebih luas dan kukuh dari segi gaya bahasa Hatta bagi menghasilkan monodrama dengan kandungan dewasa.

Sementara itu, kajian *Keunggulan Hatta Azad Khan dalam Monodrama Menunggu Lampu Hijau* (Nurul Sahirah dan Nur Afifah, 2020) memperlihatkan kehadiran pengalaman penulis dalam menghasilkan sebuah teks yang unggul. Data bagi artikel ini diperolehi daripada reka bentuk penyelidikan kualitatif. Teknik temu bual digunakan bagi memperoleh data berkaitan aspek penggunaan gaya bahasa dan kajian perpustakaan bagi memperoleh ketepatan aspek tatabahasa. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa unsur prinsip kehadiran perlambangan (semiotik) yang ditemui di dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Proses kehadiran seperti pemilihan dan kesepadan telah diaplikasi bagi merungkai keunggulan Hatta sebagai penulis skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Sumber dan rujukan yang diperoleh oleh penulis skrip bagi menghasilkan monodrama ini turut membantu bagi memperlihatkan tahap keunggulan penulisnya. Teks skrip ciptaan Hatta menunjukkan pembaharuan dan anjakan paradigma idea yang dilakukan oleh penulis dari semasa ke semasa bagi mencapai tahap keunggulan, sekali gus memberikan rangsangan kepada penulis-penulis lain agar sentiasa membuat suatu pembaharuan dalam penciptaan sebuah karya. Objektif dan kerangka analisis artikel Nurul Sahirah dan Nur Afifah berbeza dengan artikel ini walaupun terdapat persamaan dari segi sampel kajian. Sumbangan artikel Nurul Sahirah dan Nur Afifah kepada artikel ini adalah data berkaitan dengan latar belakang Hatta. Data ini penting untuk menghubungkan aspek ekstrinsik dan instrinsik yang diteliti dalam artikel ini. Fathin Ezaty dan Nur Afifah (2020) dalam artikel yang bertajuk, *Adaptasi Skrip Ke Pentas: Menunggu Lampu Hijau* Karya Hatta Azad Khan pula meneliti aspek-aspek drama yang diadaptasi dari naskah untuk dipertontonkan sebagai teater di pentas. Perbandingan antara skrip dan teks persembahan dilakukan untuk meneliti perbezaan dan persamaan antara skrip

dengan teater yang dipentaskan. Bagi memperolehi data, reka bentuk kajian kualitatif dirangka dengan kajian perpustakaan sebagai instrumen kajian utama. Antara bahan yang digunakan untuk memperolehi data adalah bahan bercetak dan digital, termasuk rakaman teater ‘Monodrama Menunggu Lampu Hijau’. Dapatan dalam dalam artikel ini adalah, pengarah telah mengadaptasikan secara terus skrip asal ke atas pentas dengan perubahan yang sedikit. Semua aspek dalam babak satu sehingga babak lapan dikenalkan. Tema, plot dan semua watak dan perwatakan dalam karya dikenal serta ditampilkan di atas pentas sepetimana dalam karya. Adaptasi yang dilakukan itu masih mengekalkan kronologi naskah asalnya disebabkan penulis dan pengarah teater ini adalah individu yang sama. Walaupun artikel ini mengangkat sampel kajian yang sama, penulisan Fathin Ezaty dan Nur Afifah (2020) tertumpu kepada bidang estetika dan produksi teater, manakala artikel ini pula tergolong dalam skop kritikan sastera.

Seterusnya, Bazilah Zawanah dan Nur Afifah (2021) meneliti isu bertajuk Perspektif Wanita Terhadap Poligami Dalam Skrip Monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Perspektif yang diteliti oleh kajian ini adalah berkaitan watak-watak wanita yang berhadapan dengan isu poligami dan pelbagai kedudukan sosial. Metodologi kajian yang dirangka untuk memperolehi data adalah berbentuk kualitatif. Kerangka analisis bagi penelitian ini adalah pendekatan gender yang berkait dengan teori psikologi dan sosiologi. Dapatan kajian yang dirakam dalam artikel Bazilah dan Nur Afifah adalah bahawa, terdapat dua perspektif tentang poligami yang dipaparkan oleh watak-watak wanita dalam monodrama ini. Perspektif yang pertama, menyokong poligami asalkan amalan ini benar-benar mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Islam. Watak-watak wanita yang tergolong dalam perspektif positif ini adalah isteri-isteri Ahmad Bakti yang menjalani kehidupan poligami yang sebenar mengikut peraturan Islam. Manakala perspektif kedua adalah yang negatif dan ia dipaparkan melalui watak Syarifah Edora dan Cik Sepia. Kedua-dua wanita ini secara terus terang menentang poligami dan menunjukkan tingkah laku tidak menyetujui amalan ini. Artikel Bazilah dan Nur Afifah (2020) ini berbeza dari segi skop, objektif dan kerangka analisisnya jika dibandingkan dengan artikel ini yang bertujuan mengkaji manipulasi bahasa Hatta dalam menyampaikan kandungan dewasa dalam dramanya.

Akhir sekali, artikel bertajuk ‘Enam Elemen Aristotle Dalam Teater *Menunggu Lampu Hijau*’ oleh Nur Syafikah dan Nur Afifah (2020), mengupas struktur dalam teater tersebut. Enam elemen yang diuraikan dalam artikel ialah, tema, plot, bahasa, watak dan perwatakan, muzik serta unsur kekaguman. Dapatan kajian diperoleh dengan cara menggunakan reka bentuk kaedah kepustakaan dengan meneliti bahan-bahan bercetak dan digital. Selain itu, kaedah analisis kandungan diaplikasi untuk meneliti sumber primer, iaitu teater *Menunggu Lampu Hijau* yang dipentaskan di Panggung Seni, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada Oktober 2018. Hasil kajian mendapati kehadiran enam elemen yang menjadi kekuatan struktur teater ini. Sesebuah karya sastera bertunjangkan kepada tema dan plot yang sememangnya berkait rapat dengan struktur pembinaan karya sastera. Elemen bahasa, watak dan perwatakan merupakan elemen yang menggerakkan dan menyampaikan mesej dalam pementasan teater tersebut. Penggunaan muzik dan unsur kekaguman dapat membantu menarik perhatian penonton dan mempengaruhi mereka terhadap pementasan teater tersebut. Hasil kajian mendapati enam elemen tersebut dapat dirungkai secara terperinci dalam teater ini. Walaupun sampel kajian Nur Syafikah dan Nur Afifah adalah sama, bidang kajian ini adalah kritikan teks pementasan, manakala bidang kajian artikel ini adalah kritikan sastera. Nur Syafikah dan Nur Afifah memberi tumpuan kepada semua aspek pementasan untuk meneliti enam elemen Aristotle, manakala artikel ini pula hanya memberi fokus kepada aspek bahasa

serta pengucapan pentas dalam menyampaikan kandungan dewasa dalam drama *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*.

### **Metodologi Kajian**

Data bagi artikel ini diperolehi daripada kajian kualitatif, iaitu dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan teknik temu bual secara berstruktur. Penelitian ke atas bahan-bahan bercetak dan dalam bentuk digital merangkumi buku, artikel jurnal, skrip-skrip drama berkenaan, poster-poster pementasan dan buku-buku program teater *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*. Kajian perpustakaan bertujuan memperolehi data tentang latar belakang penulis skrip, gaya bahasa skrip dan gaya bahasa pengucapan pentas.

Sementara itu, temu bual turut dilaksanakan dengan melibatkan pelakon kedua-dua teater monodrama *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*. Shahrul Mizad Asahari dan Zamzuriah Zahari telah berkongsi maklumat tentang butiran pementasan teater lakonan mereka, perspektif khalayak secara umum tentang teater yang mereka tunjangi sebagai pelakon, dan respon khalayak semasa pementasan. Selain pelakon teater kedua-dua naskah drama tersebut, Editor Kanan, Bahagian Buku Umum, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia juga turut ditemu bual bagi memperolehi data serta proses kelulusan penerbitan manuskrip *OTG*. Temu bual-temu bual ini dilaksanakan secara bersemuka dan tidak bersemuka, iaitu melibatkan kaedah panggilan telefon dan pesanan teks ringkas melalui telefon.

### **Dapatan Kajian**

Hasil penelitian terhadap dua skrip Hatta Azad Khan dengan ‘kandungan dewasa’ dalam buku kompilasi skrip drama *OTG*, membuktikan bahawa penulis cenderung manipulasi aspek bahasa untuk memenuhi genre komedi drama-drama tersebut. Kedua-dua skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* memaparkan ‘kandungan dewasa’ yang berkisar tentang hubungan suami isteri, bentuk fizikal lelaki dan wanita, seksualiti, dan naluri lelaki dan wanita yang berhubung dengan seks. Subjek ‘kandungan dewasa’ seperti ini adalah satu taboo bagi masyarakat Timur untuk membincangkannya secara terbuka. Namun begitu, Hatta secara kreatif telah memanipulasikan bahasa dalam kedua-dua drama ini agar kandungan dewasa dalam dramanya ditampilkan secara sopan, serta tidak eksplisit atau lucu. Hal ini juga selaras dengan kaedah pengkaryaan skrip bergenre komedi kerana bahasa adalah salah satu aspek yang diusahakan oleh penulis drama untuk menimbulkan humor dalam genre berkenaan.

Terdapat dua faktor yang membolehkan skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* berjaya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia serta dipentaskan untuk tontonan umum di beberapa institusi awam. Faktor-faktor tersebut adalah aspek ekstrinsik dan intrinsik kedua-dua skrip berkenaan. Aspek ekstrinsik karya adalah ketokohan dan pengalaman Hatta Azad Khan sebagai seorang penulis skrip drama Melayu. Penulis drama ini bijak mengaplikasi ilmu dan pengalamannya selama hampir 50 tahun bagi menghasil, mengarah dan seterusnya menerbitkan skrip-skripnya tanpa sebarang isu atau polimik berhubung kandungan dewasa tersebut. Manakala aspek intrinsik pula adalah persembahan gaya bahasa dalam skrip-skrip tersebut. Dialog-dialog skrip ini disampaikan dalam pelbagai teknik selari dengan genre komedinya. Bahagian seterusnya akan memerincikan dapatan kajian tentang aspek ekstrintik dan instrinsik yang membolehkan skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* diterbit dan dipentaskan untuk tontonan umum.

### Faktor Ekstrinsik

Hatta adalah seorang penulis skrip yang matang dan berwibawa. Kedua-dua skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* dihasilkan sekitar awal dekad kedua (2010-2015) alaf ke-21. Beliau memiliki pengalaman menulis skrip drama sejak tahun 1970-an dan tersenarai sebagai tokoh penulis drama Melayu aliran Eksperimental, tahun 1970-an, di Malaysia (Solehah Ishak, 2005: 200; Nur Nina Zuhra, 1992:151). *Mayat, Kerusi dan Patung-Patung* adalah antara skrip penulis ini yang terkenal sebagai teks drama aliran Eksperimental Melayu (Solehah Ishak, 2005). Hatta menghasilkan karya drama yang telah menenangi pelbagai anugerah sastera di peringkat nasional sejak tahun 1980-an. Kemuncak pencapaian dan pengiktirafan beliau dalam bidang penulisan drama Melayu adalah pada tahun 2008 apabila dianugerahkan sebagai penulis SEA Write Award di peringkat antarabangsa (Hatta, 2008).

Gaya penulisan Hatta sarat dengan simbolisme sejak tahun 1970-an. Drama-drama eksperimental memaparkan isu-isu sensitif seperti ketidak adilan sosial, pemimpin yang korup, kemiskinan bandar dan kritikan terhadap masyarakat Melayu (Nur Nina Zuhra, 1992). Isu-isu ini tidak dapat disampaikan secara langsung dalam penulisan mahupun dalam bentuk teks pementasan. Oleh yang demikian penulis skrip zaman ini terpaksa menggunakan gaya bahasa simbolisme untuk menyampaikan pandangan dan kritikan mereka terhadap konteks semasa di Malaysia (Nur Nina Zuhra, 1992). Pengalaman menghasilkan drama dengan gaya bahasa simbolisme telah mendasari kebanyakan karya drama Hatta kemudiannya (Solehah Ishak, 2005). Gaya bahasa ini menjadi rutin kepada hasil penulisan Hatta semasa kedua-dua skrip ini dihasilkan kerana ketika itu beliau telah berpengalaman hampir 50 tahun dalam bidang penulisan drama Melayu. Kelebihan ini telah digunakan oleh penulis ini untuk memaparkan kandungan dewasa dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*.

Hatta juga menghasilkan skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* sebagai seorang penulis drama Melayu yang sangat berpengalaman dan bertanggungjawab dalam konteks penerbitan manuskriptnya sebagai karya sastera. Kesemua kompilasi skrip dalam *OTG* adalah drama bentuk monodrama, yang ketika itu semakin mendapat perhatian dalam bidang penulisan dan pementasan drama Melayu di Malaysia. Hatta mengambil peluang menghasilkan skrip-skripnya dalam bentuk yang memperolehi perhatian ketika itu. Hal ini mampu dilakukan oleh Hatta kerana beliau aktif mengikuti perkembangan drama Melayu sebagai seorang pengamal, guru dan pentadbir institusi pendidikan seni di peringkat pengajian tinggi ketika itu. Semasa monodrama *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* dihasil dan dipentaskan, Hatta bertugas sebagai Rektor, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Beliau menghasilkan skrip-skrip ini dengan bersandarkan ilmu formal penulisan skrip dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1977 dan Sarjana Sastera Teater dari Perdue University Amerika Syarikat tahun 1980 (Hatta Azad Khan, 2008). Selain itu, sejak tahun 1970-an Hatta berpengalaman luas menghasil dan menerbitkan karya drama Melayu pelbagai genre secara konsisten. Dalam konteks seni persembahan pula, khususnya teater, beliau secara berterusan mengarah, menerbit dan mementaskan teater Melayu.

Hatta sangat teliti, faham dan akur dengan semua syarat menerbit manuskrip mahupun teater. Beliau sangat arif dan akur dengan syarat serta peraturan penerbitan karya yang digariskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Walaupun dihasilkan oleh seorang penerima anugerah SEA Write, manuskrip *OTG* tetap melalui segala proses pewasitan dan kelulusan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (Nurul Julia, temu bual melalui telefon, 19 Jun 2022). Kumpulan drama *OTG* karya Hatta, tidak mungkin diterbitkan jika manuskrip tersebut melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan oleh penerbitnya.

### Faktor Intrinsik

Hatta dengan sedar dan bijak menghasilkan drama bersubjek ‘kandungan dewasa’ dengan memilih genre komedi untuk dimuatkan dalam buku kumpulan drama *OTG*. Kedua-dua skrip tersebut cenderung memanipulasi bahasa untuk membangkitkan rasa humor dan menyampaikan subjek yang berkait dengan ‘kandungan dewasa’. Dialog-dialog yang merujuk kepada seks dan seksualiti disampaikan secara sopan oleh penulis drama ini untuk tujuan menimbulkan rasa humor serta pada masa yang sama menyampaikan mesej kepada khalayak. Skrip *Menunggu Lampu Hijau* berkisar tentang keinginan dan kehidupan berpoligami dalam kalangan lelaki Melayu Islam di Malaysia. Sementara itu, *My Honey* pula memaparkan sepasang suami isteri Melayu Muslim yang melahirkan keinginan suami isteri, perbualan berkonotasi seks dan berkongsi kasih sayang yang suci sesama mereka.

Manipulasi bahasa yang dipilih oleh Hatta selari dengan genre komedi yang mendasari skrip ini. Teknik pengkaryaan yang dipilih oleh penulis skrip menimbulkan rasa lucu dalam kalangan khalayak apabila perkataan yang disebut dan makna yang dibawa oleh suatu watak bertentangan dengan konteks situasi yang dipaparkan dalam drama. Dalam konteks teater, aspek humor semakin berkesan apabila pelakon drama ini menyertakan aksi lakonan seperti gerak tubuh, ekspresi wajah serta gaya pengucapan bagi bahasa manipulasi tersebut. Perkara ini adalah antara sebab teater monodrama *Menunggu Lampu Hijau* paling banyak mendapat permintaan untuk dipentaskan di Malaysia setakat ini (Shahrul Mizad, 2022). Manipulasi bahasa Hatta dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey* menjurus kepada simbolisme dalam konteks gaya bahasa. Teknik gaya bahasa yang digunakan oleh Hatta dalam skrip ini ialah metafora, sinkof dan bahasa Inggeris. Perbincangan berikut menjelaskan kaedah-kaedah manipulasi bahasa Hatta dalam kedua-dua skrip tersebut.

### Metafora

Metafora ialah satu bentuk ungkapan dalam bahasa. Ia digunakan untuk tujuan memberi kesan retorik, iaitu merujuk secara langsung kepada sesuatu tetapi membawa maksud yang lain kepada apa yang diperkatakan. Secara lazimnya, metafora berfungsi untuk mengaitkan atau merujuk sesuatu objek atau idea dengan objek atau perkara yang lain. Ia sama ada terdiri daripada dua perkataan yang ringkas, padat dan tersusun atau dalam bentuk frasa dengan beberapa perkataan. Metafora bersifat konkret dan abstrak iaitu sesuatu yang dinyatakan itu sebagai perkara yang sama namun sebaliknya. Dalam kedua-dua skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*, Hatta banyak menggunakan metafora bagi menggambarkan subjek seks dan seksualiti. Secara umum, pilihan ini dilakukan oleh beliau agar penyampaian secara nyata tentang subjek berkenaan dapat dielak dan pada waktu yang sama karyanya tidak bersifat lucu. Penggunaan metafora ini telah menghasilkan karya dengan ‘kandungan dewasa’ yang menarik, sopan dan indah bahasanya, serta membangkitkan humor selari dengan genre komedinya. Beliau cenderung memilih metofora abstrak bagi tujuan ini dalam kedua-dua drama *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*.

Metofora atau bahasa kiasan yang dipilih oleh Hatta dalam *Menunggu Lampu Hijau* adalah seperti, memecah teruna; macam belangkas; janda berhias; darah daging; bekerja keras turun ke sawah bendang, membajak dan menabur benih di empat penjuru alam; benih abang tertanam di tanah yang subur, cukup baja, cukup air dan cahaya; boleh pakai siang malam; dua biji kelapa muda disungkit; kelapa muda ditebus tupai; dan anak dara masak ranum. Kesemua pilihan bahasa penulis skrip ini telah menimbulkan humor dalam kalangan khalayak, terutama dalam teater apabila pelakon menggunakan pelbagai aksi untuk menyampaikan makna tersirat dialog-dialognya. Dialog berikut adalah contoh gaya bahasa kiasan dalam skrip

*Menunggu Lampu Hijau.* Dialog tersebut dilafazkan oleh Bukhari apabila mengetahui arwah ayahnya mengkahwini dua orang anak dara tanpa pengetahuan keluarganya di Selatan Thailand. Frasa ‘dua biji kelapa muda disungkitnya’ merujuk kepada kemampuan seks arwah ayahnya terhadap dua ibu tiri mudanya. Kelapa muda dalam dialog tersebut dan dialog seterusnya yang dikemukakan oleh watak Ahmad Bakti juga adalah bahasa kiasan yang digunakan oleh Hatta untuk merujuk kepada wanita muda.

Ahmad Bukhari: ... *Kenapa abah lupakan saya? Anak bongsu lelakinya yang masih bujang? Sepatutnya bila ditawarkan anak dara, abah patut terima untuk dijodohkan dengan saya. Tapi rupanya abah sendiri yang kebas! Bukan satu, tapi dua. Dan dua-duanya comel lote! Abah, abah! Saya sangkakan satu, rupanya dua biji kelapa muda disungkitnya!* (Hatta Azad Khan, 2015: 165)

Ahmad Bakti: *Ada kemungkinan abah mengahwini kepala muda yang sudah ditebuk tupai atau gadis yang telah termengadung dan abah dijadikan pak sanggup.* (Hatta Azad Khan, 2015: 165)

Dialog oleh watak Ahmad Bakti, watak abang kepada Ahmad Bukhari, di atas juga menggunakan bahasa kiasan ‘ditebuk tupai’. Bahasa “ditebuk tupai” merujuk kepada wanita yang telah hilang dara kerana melakukan seks dengan lelaki yang tiada hubungan sah dengan dirinya. Gambaran lelaki yang melakukan hubungan intim tanpa ikatan dikiaskan kepada tupai supaya bahasanya sopan dan tidak kasar untuk diperdengarkan.

Berbanding *Menunggu Lampu Hijau*, Hatta lebih banyak menggunakan bahasa simbolik dalam skrip *My Honey*. Antara bahasa simbolik yang digunakan adalah seperti, tunggang kuda; naik basikal; penunggang dan pemandu; kerjasama antara penunggang dengan kuda; dan ‘tiap-tiap malam, malam Jumaat’. Kesemua istilah dan frasa ini merujuk kepada aktiviti seks yang diperbualkan antara suami dan isteri dalam drama ini. Berikut adalah contoh dialog perbualan antara Wan Zakaria dan Maihani, yang baharu bergelar suami isteri. Dalam adegan ini mereka berbincang tentang hubungan seksual suami isteri, analogi yang menggambarkan hubungan intim, dan istilah atau kod rahsia mereka bagi merujuk kepada aktiviti tersebut:

Mak Wan sebagai Wan Zakaria: *Hubungan suami isteri ni... err... ma... macam kita naik basikal, macam... macam bawa kereta atau macam tunggang... ku... ku... kuda. Mesti ada ke... ke... kesefahaman dan kerja... kerja... kerjasama antara penunggang atau pemandu de... de... dengan kuda, ba... ba... basikal atau kereta.* (Hatta, 2015: 19)

MAk Wan: *Cikgu Wan Zakaria yang selalu cakap orang putih menterjemahkan istilah ‘making love’ menjadi memadu cinta. Tetapi istilah memadu cinta sangat ‘straight forward’, katanya. Tak romantik dan tak kelakar! Kemudian ada cadangan baru dan mereka sama-sama bersetuju. Kata gantian untuk ‘making love’ adalah kerjasama* (Hatta, 2015: 23).

Hatta Azad Khan juga mengaitkan unsur alam dengan seks dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau*. Pemilihan perlambangan alam seperti ini pula tidak dilakukan oleh beliau dalam skrip *My Honey*. Perkaitan unsur alam dan seks oleh Hatta bertujuan mengelak penggunaan kata-kata yang terus terang, kurang manis dan lucah. Pemilihan dan penggunaan perkataan Hatta adalah ringkas dan padat. Jika dalam Al Quran, Surah *Al-Baqarah* ayat 223 menggunakan perlambangan ‘kebun’ untuk merujuk kepada isteri dalam hubungan intim suami isteri, penulis drama ini pula memilih istilah ‘tanah’ bagi membawa makna yang hampir sama dengan Al-Quran. Ayat tersebut bermaksud, “Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu dan bertakwalah kepada Allah . . .” (Al

Quran). Sehubungan itu, pemilihan istilah ‘tanah’ dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* bagi merujuk kepada seks mudah difahami oleh khalayak, terutamanya yang beragama Islam. Berikut adalah dialog Bukhari bagi menerangkan usaha abangnya Ahmad Bakti dalam mengadakan hubungan intim dengan keempat-empat isterinya agar mereka mengandungkan zuriat abangnya.

Ahmad Bukhari: *Sebulan kemudian abang ambil cuti empat hari. Dan, selama empat hari empat malam abang bekerja keras turun ke sawah bendang, membajak dan menabur benih di empat penjuru alam. Benih abang tertanam di tanah yang subur, cukup baja, cukup air dan cahaya...* (Hatta Azad Khan, 2015: 140).

Istilah “menabur benih” menunjukkan usaha Ahmad Bakti mendapatkan zuriat bersama isteri-isterinya. Perkara ini disebabkan ibunya tidak dapat menerima anak-anak tiri Ahmad Bakti dan inginkan cucu dari keturunan anaknya bersama empat orang menantu jandanya. Istilah “menabur” melambangkan hubungan intim suami isteri untuk memperolehi zuriat. Istilah ini bersifat objek yang abstrak manakala istilah “benih” bersifat objek yang konkret yang boleh dilihat oleh mata kasar. Sementara itu, “empat penjuru alam” pula merujuk kepada keempat-empat isteri Ahmad Bakti. Perkataan “empat” dalam frasa tersebut merujuk kepada jumlah yang sama atau setara dari segi bilangan isteri Ahmad Bakti. Namun begitu perkataan “penjuru alam” menggambarkan lokasi kedudukan. Perkara ini tidak sama dari segi jenis subjek- manusia- yang dirujuk dalam frasa ini, iaitu isteri-isteri Ahmad Bakti.

### Hiperbola

Hiperbola adalah sejenis kiasan yang berlebih-lebihan daripada maksud sebenar. Gaya Bahasa ini sering digunakan untuk meluaskan perasaan mahupun tanggapan secara melampau. Penggunaan hiperbola bertujuan untuk menarik khalayak untuk lebih menghayati dan mendalami mesej yang ingin disampaikan. Berikut adalah contoh penggunaan gaya bahasa hiperbola dalam *Menunggu Lampu Hijau*:

Ahmad Bukhari: ... “*Mak mengadu pada abang, tapi kata abang, biarlah dia buat kebajikan asalkan dia bahagia. Rupanya memang abah cukup bahagia. Dalam sibuk buat amal jariah, abah bina dua buah surau dalam gelap...*” (Hatta Azad Khan, 2015:164).

Hatta menggunakan hiperbola pada ayat ‘bina dua buah surau dalam gelap’ yang membawa erti berkahwin atau berpoligami dengan dua orang wanita sekaligus dalam keadaan yang sah. Lazimnya, istilah ‘masjid’ akan digunakan apabila pasangan Muslim mendirikan rumahtangga. Hatta pula memilih ‘surau’ bagi menandakan perkahwinan tersebut walaupun sah tetapi tarafnya lebih kecil berbanding masjid, iaitu bukan perkahwinan pertama atau utama bagi watak Abah. Hal ini juga disebabkan fungsi dan penggunaan surau dalam konteks mendirikan solat juga terhad berbanding masjid. Penulis drama bijak mengaitkan fungsi surau yang terhad dengan status isteri-isteri muda dalam memaparkan perkahwinan watak Abah secara rahsia. Walaupun ‘surau’, watak Abah membina ‘dua’ pada usia yang agak lanjut dan jumlah ini agak keterlaluan bagi usianya. Malah surau-surau ini dibina dalam suasana ‘gelap’. Mana-mana pembinaan tidak mungkin dapat dilakukan dalam keadaan gelap, tetapi watak Abah yang berusia telah berjaya melakukannya. Maka frasa Hatta ‘bina dua buah surau dalam gelap’ ini adalah hiperbola dan digambarkan secara berlebih-lebihan untuk menggambarkan tindakan lelaki berusia berpoligami secara berahsia.

Dalam skrip *My Honey* pula, Hatta turut mengaplikasikan gaya bahasa hiperbola. Misalnya, dialog berikut digunakan untuk membicarakan bentuk dan rupa buah dada wanita. Watak Maihani atau Mak Wan pada usia lanjutnya, mengambil upah mengurut badan wanita.

Kepakaran Maihani adalah membetulkan kedudukan dan bentuk payudara, yang digelarnya ‘kembar’. Menantunya, Moi, membantu kawan-kawannya mendapatkan khidmat urut ibu mentuanya. Berikut adalah hiperbola dalam dialog Maihani dan Moi bagi menggambarkan rupa bentuk payudara wanita yang diurutnya;

*MAK WAN: . . . Mak Wan urut seluruh badan, bukan urut kembar sahaja. Puncanya urat, lemak dan air yang tak betul kedudukan atau berlebihan dalam tubuh badan. InsyaAllah, tiga kali urutan, yang lembik, yang terperosok, yang jatuh, yang boleh dilipat, yang besar sebelah, semuanya boleh Mak Wan perbetulkan, boleh Mak Wan pulih jadi segar, bulat dan tegang! . . .*

Mak Wan sebagai Moi: *Mama jangan tergelak ya Ma! Kawan Moi yang nak datang ni, kembar dia macam landasan kereta api Gemas, bercabang keluar macam ni (membuat isyarat tangan). Satu ke Kelantan, satu ke Kuala Lumpur.* (Hatta, 2015: 52)

Dialog Maihani dan Moi di atas, sarat dengan hiperbola. Penjelasan dan gambaran kedua-dua watak wanita ini tentang rupabentuk payudara agak keterlaluan. Istilah-istilah seperti, ‘lembik’, ‘terperosok’, ‘jatuh’, ‘boleh lipat’, ‘besar sebelah’, dan ‘macam landasan kereta api bercabang’ adalah gambaran yang agak ekstrim untuk menggambarkan payudara bermasalah. Gambaran-gambaran ini adalah sesuatu yang tidak realistik serta diperbesar-besarkan oleh Hatta. Namun begitu, dialog tentang payudara ini tetap sopan kerana yang membincangkannya adalah antara dua watak wanita. Selain itu, konteks perbincangan tentang payudara ini juga adalah usaha perubatan alternatif, iaitu urut. Sehubungan itu, walaupun subjeknya adalah payudara, dialog-dialog ini tidak tampil lucah atau tidak sopan. Dialog ini menghasilkan humor kepada pembaca skrip dan kelucuan di luar jangka bagi khalayak teater. Apabila dilakukan dengan pergerakkan tubuh dan mimik muka pelakon, dialog-dialog ini mencetuskan perasaan lucu dalam kalangan khalayak yang menontonnya.

### Sinkope

Dalam kedua-dua skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*, Hatta turut menggunakan gaya bahasa sinkope. Terdapat istilah yang disingkat atau dipendekkan dalam dialog skrip-skrip ini. Gaya bahasa ini realistik sifatnya dengan bahasa harian. Bahasa pengucapan harian berbeza dengan bahasa persuratan standard. Untuk tujuan lakonan, pengucapan pentas harus dalam bentuk bahasa harian. Hal ini disebabkan penonton akan mudah dikaitkan dengan watak yang menggunakan gaya bahasa realistik. Penggunaan gaya bahasa bentuk ini akan membantu khalayak mempercayai apa yang dibaca dan ditonton apabila skrip ini direalisasi di atas pentas. Dialog-dialog Hatta cenderung menggunakan singkatan istilah antaranya, ‘kau’ untuk menggantikan engkau; ‘tu’ untuk menggantikan itu; ‘sapa’ untuk menggantikan siapa; ‘tak’ untuk menggantikan tidak; dan ‘tapi’ untuk menggantikan tetapi. Hatta turut memilih teknik sinkope untuk merujuk kepada status sosial watak. Walaupun lazimnya teknik sinkope hanya untuk singkatkan istilah bahasa harian, Hatta menggunakan lesen sebagai penulis untuk meringkaskan perkataan yang tidak lazim dalam bahasa harian. Singkatan perkataan digunakan untuk merujuk status perkahwinan wanita, iaitu ‘janda’ menjadi ‘jan’, dan anak dara tua menjadi ‘andartu’. Hal ini dapat diperhatikan pada dialog berikut;

*Ahmad Bukhari: . . . Dan “jan” yang berjaya memecah teruna abang pada malam pertama adalah seorang ibu tunggal yang berusia 26 tahun dengan dua orang anak kecil berusia tiga dan lima tahun. Dan selepas perkahwinan pertama, abang meneruskan khidmat bakti kepada golongan “jan” atau ibu tunggal. Dalam tempoh setahun dia mengahwini Norma Jan, Habibah Jan, Rozita Jan dan*

*Rogayah Jan atau Gaya Jan. Tuan-tuan semua mesti tertanya-tanya, "Semuanya Jan? Keturunan Pakistani? Bukan! Jan di sini maksudnya janda. . . (Hatta, 2015: 134-135)*

Dalam skrip *My Honey* juga penulis drama ini cenderung menggunakan gaya bahasa singkope. Selain menggunakan gaya bahasa ini untuk memaparkan dialog harian yang realistik, Hatta turut mengaplikasi teknik ini untuk menyampaikan kandungan dewasa dalam skripnya. Misalnya, suami isteri, Wan Zakaria dan Mahini menggunakan kod bahasa rahsia antara mereka bagi merujuk bahagian sulit lelaki dan wanita. Pasangan ini menggunakan kod rahsia untuk membincangkan subjek seks semasa sendiri secara bebas tanpa difahami maksud sebenar oleh orang lain. Pasangan ini menggunakan perkataan 'adam' atau 'ad' bagi merujuk kepada alat kemaluan lelaki, dan 'hawa' atau 'wawa' untuk alat kemaluan wanita. Apabila kod bahasa rahsia dengan teknik sinkope ini diucapkan dalam beberapa situasi berlainan dengan kehadiran watak ketiga, ia menimbulkan kelucuan kepada khalayak. Teknik sinkope Hatta dapat diperhatikan dalam dialog-dialog berikut;

Mak Wan sebagai Wan Zakaria: *Ad kirim salam kat Wawa. Dia nak jumpa malam ni.*

Mak Wan sebagai Wan Maihani: *Wawa pun dah rindu sangat pada Ad.*

Mak Wan sebagai Wan Zakaria: *O.K kita jumpa malam nanti di tempat biasa.*

Mak Wan: *Ada sekali tu Wan Maihani telefon ke pejabat suami. Puan Rose, kerani yang mengangkat.*

Mak Wan sebagai Puan Rose: *Cikgu, tadi isteri cikgu telefon. Dia pesan minta cikgu beritahu Encik Ad, Cik Wawa nak jumpa malam ni dalam pukul sepuluh di tempat biasa. Katanya kalau awal sikit pun tak apa. Cikgu ada nombor telefon Encik Ad? Saya boleh telefon bagi tahu dia!* (Hatta, 2015: 23)

### Bahasa Asing

Hatta juga menggunakan bahasa asing dalam kedua-dua skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*. Bahasa asing yang digunakan bagi menyampaikan kandungan dewasa dalam kedua-dua skrip ini adalah Inggeris. Penulis skrip cenderung mencampurkan istilah bahasa Inggeris dalam ayat-ayat bahasa Melayunya. Terdapat juga penggunaan frasa bahasa Inggeris bagi tujuan ini, namun pemilihan frasa sangat terhad berbanding istilah. Penggunaan dan percampuran bahasa Inggeris dalam dialog-dialog Melayu ini, menimbulkan kelucuan dan lebih sopan bagi Hatta menyampaikan kandungan dewasa berbanding penggunaan perkataan Melayu. Pandangan ini dinyatakan oleh penulis dalam *My Honey* melalui dialog watak Maihani berikut;

Mak Wan: *Cikgu Zakaria yang selalu cakap orang putih menterjemahkan istilah 'making love' menjadi memadu cinta. Tetapi istilah memadu cinta sangat 'straight forward', katanya. Tak romantik dan tak kelakar! Kemudian ada cadangan baru dan mereka sama-sama setuju. Kata gantian untuk 'making love' adalah kerjasama.* (Hatta, 2015:23)

Hatta lebih cenderung menggunakan istilah bahasa Inggeris dalam *My Honey* untuk menyampaikan subjek kandungan dewasa berbanding skrip *Menunggu Lampu Hijau*. Antara perkataan tersebut dalam *My Honey* adalah; *making love, fruit chest* dan *dah ready*. Pemilihan teknik ini disesuaikan dengan watak dan perwatakan Wan Zakaria yang suka berbahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris juga disesuaikan dengan watak Wan Zakaria, yang berpelajaran dan bekerja sebagai pendidik serta pentadbir sekolah. Secara peribadi, watak

Wan Zakaria senang menggunakan bahasa Inggeris apabila membualkan perkara-perkara intim dengan Maihani, isterinya.

Perbualan-perbualan intim antara pasangan suami isteri adalah tingkah laku yang lazim dan realistik. Hatta bijak merangka dan menyusun watak, perwatakan, perhubungan antara watak dan situasi untuk memaparkan subjek dewasa dalam *My Honey*. Strategi penulis drama dalam hal ini menjustifikasi kandungan dewasa yang dipaparkan dan seterusnya menjadikan skrip *My Honey* sopan dengan mesej kasih sayang suami isteri yang halal dan suci.

### **Kesimpulan**

Hatta Azad Khan adalah tokoh drama Melayu Moden yang pertama yang memiliki keupayaan luar biasa kerana beliau adalah penulis skrip, pengarah pentas, penerbit drama dan pejuang dunia pentas yang tiada tandingannya di Malaysia. Kekuatan pemikiran dan kesungguhan dirinya menjadikan karya-karya Hatta Azad Khan sangat kuat dipengaruhi oleh faktor ekstrinsik dan intrinsik. Hal ini telah dibuktikan dengan kejayaan Hatta Azad Khan menghasilkan skrip *Menunggu Lampu Hijau* dan *My Honey*. Dalam ukuran faktor ekstrinsik, Hatta Azad Khan berupaya mementaskan kedua-dua skrip tersebut dengan menggabungkan pengalamannya selama hampir 50 tahun sebagai anak teater. Manakala daripada segi intrinsik pula, Hatta Azad Khan dikenali sebagai seorang penulis mampan skrip drama Melayu dengan dapat memanipulasi bahasa dalam skrip yang dihasilkan. Selain memiliki kekuatan penguasaan gaya bahasa perbandingan dan perlambanagan seperti metafora, hiperbola, atau sinflope, Hatta Azad Khan turut dapat menguasai bahasa asing dalam usaha menimbulkan kesan lucu dalam mempersempahkan aspek ‘kandungan dewasa’. Perkara ini telah dilakukan secara sedar oleh Hatta Azad Khan sehingga skrip hasil tangannya berada pada tahap yang disenangi oleh penggiat teater tanah air. Keupayaan memanipulasi gaya bahasa Hatta Azad Khan ini adalah selari dengan Anugerah Penulis Asia Tenggara yang diterimanya pada tahun 2008. Hatta Azad Khan bukan sahaja seorang penulis skrip yang baik malah beliau juga adalah seorang penggiat teater bertaraf antarabangsa.

### **References**

- Al-Quran dan Terjemahan. (2015). Khazanah Rabbani Publisher.
- Bazilah Zawanah. A, & Nur Afifah. V. A. (2021). “Perspektif wanita terhadap poligami dalam skrip monodrama menunggu lampu hijau”. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-12.
- Farzana, A., & Nur Afifah. V. A. (2020). Kritikan sosial dalam skrip monodrama menunggu lampu hijau karya hatta azad khan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-11.
- Fathin Ezaty, O., & Nur Afifah. V. A. (2020). Adaptasi skrip ke pentas: menunggu lampu hijau karya Hatta Azad Khan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4 (5), 1-11.
- Hatta Azad Khan. (2008). *Tiga teater muzikal*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatta Azad Khan. (2015). *OTG*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizatul Najwa, I., & Nur Afifah. V. A. (2020). Semiotik dalam skrip menunggu lampu hijau karya Hatta Azad Khan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-10.
- Nur Nina Zuhra. (1992). *An Analysis of Modern Malay Drama*. Biro Teks, Institut Teknologi MARA.
- Nur Syafikah, M., & Nur Afifah, V. A. (2020). Enam elemen aristotle dalam teater ‘menunggu lampu hijau’. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4), 1-13.
- Nurul Sahirah, T., & Nur Afifah, V. A. (2020). Keunggulan Hatta Azad Khan dalam monodrama ‘menunggu lampu hijau’. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4), 1-13.
- Solehah Ishak. (2005). *Staging Eastern Voices*. Akademi Seni Kebangsaan.